KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	01.03.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	TNB			

TNB giat pulih bekalan elektrik

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) sedang giat memulihkan bekalan elektrik bagi daerah-daerah di Terengganu dan Kelantan yang terjejas akibat banjir.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din berkata, warga kerja barisan hadapan TNB sedang bertungkus lumus di lapangan supaya bekalan dapat disalurkan secara berperingkat, bergantung kepada akses dan keadaan setempat.

"Keutamaan sekarang adalah memulihkan pencawang yang terkesan termasuk membuat pengujian bagi memastikan keadaan aset-aset ini selamat untuk menyalurkan bekalan

"Pasukan Pepasangan Talian Atas Grid TNB sedang melakukan kerja-kerja pemasangan wayar pembumian sementara di menara Talian 132kV dari Kuala Terengganu ke Kenyir sebagai persediaan bagi pemulihan semula bekalan dari Kuala Terengganu ke Chendering.

"Pemulihan talian Grid ini sekaligus akan meningkatkan daya harap dan kesiapsiagaan bekalan elektrik talian 132kV ke kawasan Chendering dan sekitarnya bagi menghadapi bencana banjir," katanya.

Jelas Baharin, TNB akan segera memberikan semula bekalan, sebaik keadaan mengizinkan dan akan memastikan bekalan ke semua Pusat Pemindahan Sementara berada dalam keadaan baik.

"Selain PPS, kami akan pastikan bekalan elektrik berterusan ke premis strategik seperti hospital dan balai polis termasuk melalui set jana kuasa jika premis tidak dapat menerima bekalan daripada pencawang.

Orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa jauhkan diri daripada tiang elektrik ketika banjir.